SAMPEL PERCUMA

Soalan Sebenar STPM 2019 Pengajian Am Semester 1

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

No. kad pengenalan: ..... No. pusat/angka giliran: .....

900/1(U1) 2018 STPM

900/1 2019

PENGAJIAN AM

KERTAS 1 (ULANGAN 1) 2018 DAN KERTAS 1 2019

(Dua jam)

900/1(U1) STPM 2018

900 1 (U1) 900 1

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian A.*

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian B.*

Jawab **dua** *soalan sahaja dalam Bahagian C.*

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian B	
16	
17	
18	
19	
Bahagian C	
Jumlah	

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2018

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Yang manakah ciri-ciri bagi sebuah negara berdaulat?

I Tidak dijajah oleh kuasa luar

II Diterajui oleh parti politik tertentu

III Berupaya menjalin hubungan diplomatik

IV Diperkukuh oleh sistem ekonomi yang baik

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

2

Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan mengandungi:

- Senarai Persekutuan
- Senarai Negeri
- Senarai Bersama

Perkara di atas merujuk kepada struktur pentadbiran yang berdasarkan

A penurunan kuasa

B pemusatan kuasa

C pengasingan kuasa

D pembahagian kuasa

3 Yang manakah yang tertakluk kepada bidang kuasa negeri?

A Penerbitan majalah keagamaan

B Pembukaan pusat pemulihan akhlak

C Permohonan permit melombong pasir

D Tuntutan penceraian pasangan bukan Islam

4

I	Mendapat kelulusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara
II	Dipersetujui secara kolektif oleh Jemaah Menteri
III	Kementerian merangka dasar rang undang-undang

Berdasarkan pernyataan di atas, urutan yang manakah yang betul tentang proses penggubalan undang-undang negara?

A	I	III	II
B	II	I	III
C	III	II	I
D	III	I	II

5 Yang manakah kepentingan institusi beraja dalam sistem pemerintahan Malaysia?

A Memeriksa dan mengimbangi tindakan-tindakan untuk memupuk keharmonian rakyat

B Meninjau keutuhan parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya

C Mengesahkan keesahan penggubalan undang-undang negara

D Memantau kecekapan pelaksanaan projek pembangunan

6 Pernyataan yang manakah yang benar tentang Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya?

A Boleh memegang jawatan berpendapatan tetap

B Saraan ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong

C Ahli-ahlinya terdiri daripada ahli Majlis Parlimen

D Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja

7 Pernyataan yang manakah yang benar tentang kebebasan pilihan raya?

I Rakyat bebas memilih wakil mereka.

II Undian rakyat ditentukan oleh ketua parti.

III Rakyat bebas mengundi mengikut kaedah pilihannya.

IV Parti politik bebas berkempen mengikut undang-undang.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

8 Dua aspek yang perlu diberi penekanan untuk mewujudkan tadbir urus baik ialah

I prestasi

II prosedur

III penglibatan yang menyeluruh

IV pematuhan terhadap undang-undang

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

9 Perkara yang manakah yang perlu dilaksanakan untuk memastikan tadbir urus baik dalam perkhidmatan awam?

A Mengurangkan saiz tenaga kerja

B Meningkatkan prestasi kerja kakitangan

C Mengamalkan sistem birokrasi dan prosedur kerja yang kompleks

D Menambahkan masa perkhidmatan di kaunter dengan kerja lebih masa

10

- Cukai sewa filem
- Bayaran pendaftaran dan permit

Pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk memungut hasil di atas ialah

A Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

B Pihak Berkuasa Tempatan

C Kerajaan Persekutuan

D Kerajaan Negeri

11

- Menjadi penggerak perubahan pentadbiran dan pengurusan bagi perkhidmatan awam
- Menjadi agen transformasi sistem penyampaian perkhidmatan awam

Peranan di atas dilaksanakan oleh

A Unit Inovasi Khas

B Unit Kerjasama Awam Swasta

C Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan

D Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

12 Fungsi Unit Perancang Ekonomi ialah

A memantau keberkesanan strategi program Satu Daerah Satu Industri

B menyediakan draf belanjawan kerajaan Persekutuan

C menyediakan rancangan pembangunan negara

D menyelaras Projek Kesejahteraan Rakyat

13 Menyelia pelaksanaan dan menilai kemajuan program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi merupakan bidang tugas

A Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan

B Majlis Pembangunan Negara

C Jabatan Audit Negara

D Kabinet

14 Yang manakah kesan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lemah?

I Kemerosotan keyakinan orang ramai

II Peningkatan perkhidmatan agensi swasta

III Penurunan permohonan ke perkhidmatan awam

IV Menjejaskan sasaran pencapaian program transformasi kerajaan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

15 Strategi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam dalam menempuh cabaran globalisasi adalah dengan

A mengurangkan kerenah birokrasi

B memperbanyak perniagaan dalam talian

C meningkatkan perkhidmatan kaunseling

D meluaskan pendidikan teknik dan vokasional

Bahagian B [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

16 Jelaskan **dua** cara penamatan kewarganegaraan seseorang warganegara Malaysia. [4]

(*a*) .....

.....

.....

.....

(*b*) .....

.....

.....

.....

17 Nyatakan **empat** fungsi parlimen. [4]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

(*d*) .....

18 Nyatakan **empat** amalan yang boleh meningkatkan kecekapan sesuatu agensi awam. [4]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

(*d*) .....

19 Nyatakan **tiga** persamaan fungsi Sultan dengan Yang di-Pertua Negeri. [3]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

Bahagian C [50 *markah*]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

20 Kerenah birokrasi dalam sistem pentadbiran kerajaan boleh menjatuhkan imej perkhidmatan awam. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk menanganinya. Huraikan.

21 Malaysia sebuah negara yang aman dan damai, namun tidak terlepas daripada menghadapi ancaman jenayah yang perlu diatasi segera. Huraikan.

22 Teknologi hijau penting untuk diberi penekanan dalam pembangunan negara dan pelbagai langkah dilaksanakan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang mengamalkan teknologi tersebut. Huraikan.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar